



# Panggilan paderi, religius:

## Tanda Harapan bagi dunia

**TAKHTA SUCI: Mendiang Sri Paus Fransiskus sempat menyiapkan pesan untuk Hari Doa Sedunia ke-62. Pesan bertema “Penziarah Harapan: Anugerah Kehidupan” itu dipersiapkannya pada Mac 19, 2025 dari Hospital Gemelli, Roma. Berikut merupakan ringkasan pesan tersebut:**

*Saudara-saudari terkasih,*

Pada Hari Doa untuk Panggilan ke-62 sedunia ini, saya ingin menyampaikan undangan yang penuh sukacita dan dorongan kepada saudara-saudari untuk menjadi penziarah harapan, sambil berbahagi hidup dengan murah hati.

Panggilan merupakan sebuah anugerah berharga yang Tuhan taburkan dalam hati, sebuah panggilan untuk keluar daripada diri sendiri dan sebagai tanda harapan yang Tuhan taburkan bagi dunia dan bagi setiap anak-anak-Nya.

Pada zaman kita, ramai orang muda yang merasa cemas ketika berhadapan dengan masa depan. Mereka kerap mengalami ketidakpastian tentang prospek pekerjaan, menghadapi pelbagai krisis. Krisis ini semakin sukar diatasi kerana hiruk pikuk dunia digital, ketidakadilan terhadap kaum lemah dan miskin, serta kekerasan perang mengancam rencana kehidupan baik.

Namun Tuhan, yang mengenal kedalaman hati manusia, tidak meninggalkan kita dalam ketidakpastian. Sebaliknya, Dia ingin menginspirasi kesedaran setiap orang bahawa mereka dikasihi, dipanggil dan diutus sebagai penzia-

rah harapan.

Oleh sebab itu, kita sebagai warga Gereja yang dewasa, khususnya para gembala, didesak untuk merangkul, mencermati serta mendampingi perjalanan panggilan generasi muda ini.

Dan kamu orang muda, kamu dipanggil untuk menjadi protagonis, atau lebih tepatnya pelaku utama bersama Roh Kudus yang berhasrat, menjadikan kehidupan sebagai anugerah kasih.

### Merangkul penziarahan panggilan peribadi

Kaum muda yang terkasih, «hidupmu bukanlah “sementara”. Kamu saat ini adalah milik Tuhan» (*Christus Vivit*, 178). Perlu disadari bahawa anugerah kehidupan memerlukan sahutan murah hati dan setia. Lihatlah para orang kudus muda, yang menyahut panggilan Tuhan dengan sukacita: Sta Rosa dari Lima, Sto Dominikus Savio, Sta Theresia dari Kanak-kanak Yesus, Sto Gabriel dari Bonda Maria Berdukacita serta beato yang tidak lama lagi diwartakan sebagai orang kudus, – Carlo Acutis, Pier Giorgio Frassati dan ramai lagi yang lain. Mereka telah menjalani panggilan mereka sebagai penziarahan menuju sukacita sejati.

Semua kita dipanggil secara peribadi untuk mempersembahkan hidup bagi sesama (*Evangelii Gaudium*, 268). Ramai orang muda berusaha memahami jalan yang ditawarkan Tuhan untuk mereka hidupi - mengenali jalan panggilan tertahbis atau hidup bakti.

Setiap panggilan harus diuji oleh harapan dan dalam kepercayaan kepada Penyelenggaraan Ilahi. Sesungguhnya, harapan merupa-

kan suatu kepastian yang berakar dalam iman kepada Tuhan, yang berkarya dalam sejarah setiap manusia.

Kaum muda terkasih, harapan kepada Tuhan tidak mengecewakan, kerana Dia menuntun setiap langkah mereka yang percaya kepada-Nya. Dunia memerlukan kehadiran kaum muda penziarah harapan, yang berani mempersembahkan seluruh hidupnya kepada Kristus, dengan penuh sukacita kerana menjadi murid misionari-Nya

### Menegaskan penziarahan panggilan peribadi

Kaum muda yang terkasih, dunia mengisi hari-hari dengan pelbagai kebisingan, sehingga menghalangimu untuk mengalami keheningan batin terbuka di hadapan Tuhan, yang berbicara ke dalam hati. Beranianlah dirimu untuk berhenti, dengarkanlah hati nuranimu sendiri dan mintalah kepada Tuhan apa Dia ingin berikan untukmu. Keheningan dalam doa sangat penting untuk “membaca” panggilan Tuhan dalam sejarah peribadi dan untuk memberikan jawaban yang bebas dan sedar.

Sikap reflektif memungkinan kita memahami bahawa kita semua dapat menjadi penziarah harapan, jika kita menjadikan hidup kita sebagai anugerah. Secara khusus, umat beriman awam dipanggil untuk menjadi “garam, terang, dan ragi” Kerajaan Tuhan melalui komitmen sosial dan profesional.

### Mendampingi penziarahan panggilan

Dalam konteks ini, para pelayan pastoral dan panggilan, khususnya pembimbing rohani, tidak perlu takut mendampingi kaum muda dengan kepercayaan penuh harapan

dan kesabaran dalam pedagogi Ilahi. Ini tentang bagaimana menjadi orang yang mampu mendengarkan dan merangkul mereka dengan hormat; menjadi orang yang dapat dipercayai, pendamping yang bijak, siap membantu mereka dan penuh perhatian dalam mengenali tanda-tanda Tuhan yang hadir dalam penziarahan hidup mereka.

Oleh sebab itu, saya mendesak agar kita meningkatkan kepedulian terhadap panggilan Kristiani dalam pelbagai bidang kehidupan dan aktiviti sehari-hari, dengan mendorong keterbukaan rohani setiap orang terhadap suara Tuhan. Untuk tujuan ini, penting menyediaan program pendidikan dan pastoral menyediakan ruang yang memadai untuk pendampingan panggilan.

Gereja memerlukan para paderi, religius, misionari dan pasangan suami isteri yang tahu bagaimana mengatakan “ya” kepada Tuhan dengan iman dan harapan. Panggilan tumbuh dan semakin kuat dalam komuniti beriman, yang mencintai dan yang berharapan. Tidak ada seorang pun dapat menyahut panggilan Tuhan seorang diri, maka kita semua memerlukan doa dan sokongan daripada sesama kita.

Pada akhir pesannya, mendiang Sri Paus Fransiskus mengatakan, “Saudara-saudari terkasih, Gereja hidup dan berbuah ketika melahirkan panggilan-panggilan baharu. Dan dunia mencari, saksi-saksi harapan, yangewartakan dengan kesaksian hidup peribadi bahawa mengikuti Kristus adalah sumber sukacita. Kerana itu, janganlah kita lelah memohon kepada Tuhan agar ada pekerja-pekerja baharu di ladang-Nya, dengan keyakinan bahawa Dia terus memanggil dengan kasih.” **Media Vatikan**

# Khusus untuk para ibu ...

Hari ibu boleh menjadi perayaan yang gembira, hari untuk merayakan ibu kandung atau merayakannya sebagai seorang ibu.

Namun, ramai ibu yang berasa sedih dan terluka pada hari istimewa ini, mungkin mereka teringat akan ibu mereka yang sudah meninggal dunia atau seorang ibu yang pilu kerana diabaikan oleh anak-anak atau kesedihan seorang ibu yang tidak bernasib baik untuk mendapat anak.

Wahai ibu, jika Hari Ibu sukar untuk anda lalui, anda tidak bersendirian. Carilah penghiburan melalui wanita-wanita kudus ini, yang pernah melalui liku-liku perjalanan yang susah:

**Sta Rafqa Pietra Chobog Ar-Rayès** (1832-1914) adalah seorang gadis Lubnan hanya berusia tujuh ketika kehilangan ibu tercinta.

Pada usia 11 tahun, kesukaran kewangan memaksa ayahnya menghantar Rafqa keluar bekerja sebagai hamba; Apabila dia kembali beberapa tahun kemudian, ayahnya telah berkahwin semula.

Dia tidak pernah tenteram bersama ibu tirinya, yang cuba memaksa Rafqa untuk berkahwin.

Apabila Rafqa menjadi religius, dia mengambil nama ibunya yang dikasihi sebagai nama keagamaannya.

Dia mengalami penyakit kronik yang melumpuhkan dan buta sebelah mata. Namun wajahnya tetap ceria dan kedua-dua tangannya masih boleh digunakan untuk menyulam dan menjahit. Dengan tangan itu juga, Rafqa menadahkan tangan, berterima kasih kerana dapat berkongsi penderitaan dengan Yesus.

**Sta Maddalena dari Canossa** (1774-1835) merupakan anak sulung daripada empat beradik bangsawan di Itali.

Apabila dia berumur lima tahun, bap-

anya meninggal dunia, dan dua tahun kemudian ibunya meninggalkan anak-anak untuk berkahwin semula.

Ibu meninggalkan mereka dengan bapa saudara mereka (seorang marquis), yang mengupah seorang penjaga untuk membesarkan mereka.

Maddalena sangat sedih ditinggalkan oleh ibu lalu berpaling kepada Bonda Maria. *"Aku menangis ... berdoa kepadanya dan memanggilnya 'mama'."*

Walaupun Maddalena akhirnya menerima gelaran *Marchioness* dan namun dia ingin berkhidmat kepada orang miskin dan ditinggalkan. Akhirnya, dia meninggalkan gelaran dan kekayaannya sehingga menubuhkan *Canossian Sisters*.

**Sta Gianna Molla** (1922-1962) adalah seorang doktor Itali yang berkahwin hampir 33 tahun dengan harapan mempunyai keluarga besar.

Pada ulang tahun keempat mereka, Gianna dan suaminya Pietro mempunyai tiga orang anak. Tetapi Gianna keguguran anak keempat dan kelima. Gianna sentiasa bimbang tentang nasib jiwa bayi dan memohon kawan-kawannya untuk berdoa untuk mereka.

Apabila dia hamil lagi dan doktor mendapati tumor di rahimnya, Gianna sudah bersedia untuk melakukan apa sahaja yang diperlukan untuk menyelamatkan bayinya, mengingatkan Pietro, *"Jika anda mesti membuat keputusan antara saya dan bayi ini, jangan ragu-ragu: Pilih anak itu!"* desak Gianna.

Bayi itu dilahirkan dengan sihat tetapi Gianna meninggal dunia akibat komplikasi seminggu kemudian.

**Sto Peter Choe Chang-Hub** dan **Sta Magdalena Son So-Byok** (1786-1840, 1801-1840) adalah pasangan suami isteri dari Korea.

Mereka adalah ibu bapa kepada seorang anak perempuan serta kehilangan sembilan bayi berturut-turut.

Akhirnya, mereka mendapat seorang lagi bayi perempuan. Pada tahun 1839, ketika anak sulung mereka (St. Barbara Choe Yong-I) yang merupakan seorang ibu muda dan anak perempuan bongsu mereka hanya berusia dua tahun, ditangkap bersama suami Barbara (Sto Charles Cho Shin-Chol).

Setelah mempercayakan anak-anak mereka kepada orang lain untuk dibesarkan, keempat-empat orang dewasa telah disiksa dan mati martir.

**Sta Martha Wang Luo Mande** (1812-1861) adalah seorang wanita awam Cina yang tidak dapat hamil tetapi memelihara dua anak lelaki dengan suaminya.

Malangnya, anak-anak mereka terbiasa dengan kehidupan liar, membelanjakan wang ibu bapa mereka dan meninggalkan ibu mereka selepas si ayah meninggal dunia.

Menyedari bahawa dia telah melakukan semua yang termampu untuk anak-anak angkatnya, Martha berhenti memberikan mereka wang dan mengusahakan sebuah rumah penginapan, di mana dia menjadi seorang Katolik.

Martha akhirnya bekerja di seminari. Apabila seminari ditutup dan seminarian dipenjarakan, Martha terus membawakan mereka makanan di penjara. Dan apabila para seminarian itu dihadapkan dengan hukuman mati, salah seorang pengawal mengancam untuk membunuhnya juga.

Martha selalu menjawab, *"Jika mereka boleh mati, begitu juga saya."* Maka Martha turut dipenjarakan dan dihukum mati bersama para seminarian tersebut.

**Hamba Tuhan Elisabeth Leseur** (1866-1914) adalah seorang wanita Perancis

yang berkahwin dengan seorang ateis yang selalu mempersendakan imannya, walaupun si suami sangat menyayanginya.

Kedua-duanya telah berkahwin selama 25 tahun dan tidak pernah dapat mempunyai anak. Apabila Elisabeth meninggal, suaminya membaca buku catatan Elisabeth, tersentuh dengan tulisan itu lalu bertaubat. Dia kemudiannya menjadi Dominika.

**Hamba Tuhan Catherine Doherty** (1896-1985) adalah seorang wanita bangsawan Rusia yang berkahwin dengan sepupu pertamanya dan berkhidmat sebagai jururawat dalam Perang Dunia Pertama sebelum melarikan diri dari Rusia semasa Revolusi Rusia.

Pasangan itu pergi ke Kanada, di mana Catherine melahirkan seorang anak lelaki. Tidak lama selepas itu, Catherine meninggalkan suaminya yang kasar dan curang, kemudian menjadi seorang Katolik dan mendapat pembatalan perkahwinan.

Dia dan anaknya berpindah ke New York di mana Catherine bekerja dengan orang miskin dan berjuang untuk keadilan antara kaum.

Dia berkahwin pada usia 47 tahun (selepas anaknya dewasa) dan, dengan suaminya, mengasaskan sebuah komuniti bernama Madonna House yang masih aktif hari ini.

Hamba Tuhan Dorothy Day (1897-1980) adalah baptisan baharu Katolik dan pengasas Gerakan Pekerja Katolik, pergerakan perpaduan antarabangsa dengan golongan miskin.

Sebelum itu, dia seorang ibu tunggal dan pernah menggugurkan bayi.

Beliau adalah saksi yang indah tentang penyembuhan dan pengampunan Tuhan selepas menggugurkan bayi dan bagaimana Tuhan bekerja dalam hidupnya. **Aleteia**

## Mendahulukan keperluan mereka yang memerlukan

Sejak dalam Perjanjian Lama tokoh-tokoh pemimpin Israel digambarkan sebagai gembala seperti Abraham, Ishak, Yakub juga pemimpin bangsa, misalnya Musa dan Daud.

Dalam Mazmur juga terdapat doa: "Tuhanlah gembalaku" (Mz 23). Kemudian dalam Perjanjian Baru, Yesus sendiri meneruskan gambaran tentang gembala itu pada diri-Nya sendiri (lih. Yoh 10:1-21).

Dalam Injil singkat hari ini (Yoh 10:27-30) dikemukakan dua ciri khas Yesus sebagai gembala.

Pertama: gembala dan domba saling mengenal. "Domba-domba-Ku mendengarkan suara-Ku, Aku mengenal mereka, dan mereka mengikut Aku." Dengan demikian wujud hubungan erat antara mereka.

Kedua: gembala memberikan hidupnya kepada mereka dan demi mereka! Tiada orang atau apa pun lainnya dapat memisahkan mereka.

Domba-domba berasa aman, mereka ialah sasaran kasih dan keprihatinan gembalanya, bukan sekadar sebagai hal-hal yang harus diurus dan dipelihara belaka. Segala perhatian gembala tertuju kepada kawanan dombanya. Apakah pesan Injil hari ini kepada kita?

Dalam Injil hari ini kita diperkuat iman/kepercayaan kita! Kita percaya akan kasih Tuhan kita sebagai Gembala Agung, seperti terbukti dalam diri Yesus Putera-Nya! Apa pun dan bagaimana pun keadaan kita,



dengan segala kelemahan dan kekekurangannya, Bapa dan Putera-Nya ialah Gembala kita, yang dapat dipercayai selalu dan sepenuhnya.

Oleh sebab itu, ajaran dan pesan yang disampaikan Yesus di dalam Injil Yohanes hari ini, dapat kita fahami dalam khutbah yang pernah disampaikan oleh Sri Paus Benediktus XVI dalam Misa Perasmian Jabatan Pelayanan Pengembalaannya sebagai Wakil Kristus, di Roma April 2005. Dalam homilinya sebagai Wakil Kristus seperti Petrus, mendiang Sri Paus itu berkata:

"Salah satu ciri dasar seorang gembala ialah mengasihi umat yang dipercayakan kepadanya, sama seperti dia mengasihi Kristus, Yang dilayaninya. 'Gembalkan domba domba-Ku', kata Kristus kepada

Petrus. Dan sekarang ini Kristus mengatakannya pula kepada kita. Mengembala bermaksud mengasihi dan mengasihi berarti bersedia menderita. Mengasihi berarti memberikan kepada domba apa yang sungguh baik, santapan kebenaran Tuhan, santapan kehadiran-Nya, yang diberikannya kepada kita dalam Sakramen Mahakudus."

Mendiang Sri Paus Benediktus XVI selanjutnya mengatakan bahawa perumpamaan tentang gembala itu adalah gambaran tentang Kristus dan Gereja serta masyarakat.

Umat manusia di dunia ini sering tidak tahu arah hidupnya, bagaikan domba yang hilang di tengah padang gurun.

Putera Tuhan tidak mahu melihat dan membiarkan umat manusia hilang terlantar.

**HARI MINGGU  
PASKAH 4  
(TAHUN C)**

**KISAH PARA RASUL  
13:14.43-52  
WAHYU 7: 9.14B-17  
INJIL YOHANES 10:27-30**

Maka Dia meninggalkan kemuliaan-Nya di syurga dan turun ke bumi mencari manusia yang hilang, sehingga Dia rela diadili dan mati di salib. Itulah gambaran gembala yang baik!

Pada Mac 28, 2013, dua minggu setelah Jorge Mario Bergoglio terpilih menjadi Sri Paus ke-266 dalam Gereja Katolik, dengan nama Sri Paus Fransiskus, beliau mengadakan pertemuan dengan para paderi dari Perancis yang sedang belajar di Roma.

Pada ketika itu, mendiang Sri Paus Fransiskus mengatakan: "Saya berharap kalian menjadi gembala berbau domba. Seorang paderi adalah seorang yang mampu hidup, tertawa dengan umat dan tetap berkomunikasi dengan mereka."

Perkataan Sri Paus Fransiskus ini memang sederhana tetapi sangat bermakna. Prelatus itu menekankan konsep gembala baik dalam hidup para klerus dalam Gereja kerana sebagai pendamping dan pemimpin agama, bukan 'kemegahan dan kuasa' yang dicari tetapi memberikan pelayanan kasih, harapan dan iman. **Msgr F.X Hadisumarta O.Carm**

# Salib simbol Harapan

JOHOR BAHRU: “Salib bukan sekadar tentang penderitaan, kesakitan atau kematian. Ia adalah tanda terbesar kasih, rahmat, dan pengampunan Tuhan. Tahun Jubli mengingatkan kita bahawa ia adalah Salib Harapan,” kata Uskup Bernard Paul semasa pelancaran Perjalanan Salib pada April 11, di Katedral Hati Kudus.

Memetik pembacaan pada hari itu, Uskup Bernard Paul mengatakan “Yeremia dan Yesus keduanya menghadapi penolakan dan ancaman, namun dalam penolakan itu, ada yang mula percaya.”

“Mengapa orang yang warak beragama menjadi bermusuhan? Ini disebabkan oleh prasangka, takut dan cemburu yang boleh membutakan tanpa sedar mereka semakin jauh daripada Tuhan yang penuh kasih.

Oleh sebab itu, Uskup Bernard menyeru umat agar, “Jangan hanya menjadi orang yang taat



beragama. Bertemulah dengan Tuhan, biarkan Dia membuka hati kita. Kebenaran akan membebaskan kita.”

Menggemakan kembali kata-kata Tuhan kepada Yeremia agar percaya kepada Bapa, Uskup Bernard mengingatkan untuk melihat

semula Salib: “Ini bukanlah pengakhiran. Ia adalah permulaan harapan, cinta, dan kehidupan baharu.”

Perjalanan Salib berada di Katedral sehingga April 26 dan dibawa ke Gereja St Louis, Kluang sehingga Mei 31.



## Perjalanan Salib ajak umat berbhahagi kasih Kristus

KUALA LUMPUR: Keuskupan Agung Kuala Lumpur melancarkan Perjalanan Salib Malaysia pada April 27 sempena Hari Minggu Kerahiman Ilahi.

Dalam kata-kata pembukaannya, Uskup Agung Julian Leow mengambil kesempatan itu untuk mengajak umat mendoakan roh mendiang Sri Paus Fransiskus yang baharu dikebumikan pada hari sebelumnya.

Pada akhir Misa, prelatus itu menjelaskan mengenai Perjela-

nan Salib yang dilancarkan pada hari tersebut merupakan salah satu sembilan Perjalanan Salib Malaysia.

Perjalanan Salib di Keuskupan Agung Kuala Lumpur dibawa menjelajah ke Terengganu sehingga awal tahun 2026. Pada awal tahun 2026, Perjalanan Salib akan dibawa ke daerah-daerah di bawah Keuskupan Agung Kuala Lumpur sebelum Perhimpunan Pastoral Malaysia pada September 2026.



## Seminar Kerahiman Ilahi pertama di paroki Tuaran



TUARAN: Komite Kerasulan Kerahiman Ilahi Zon Pusat, Paroki St John Tuaran telah berjaya mengadakan Seminar Kerahiman Ilahi 2025 yang julung-julung kalinya diadakan di Paroki Tuaran.

Kerahiman Ilahi adalah sebuah devosi Katolik kepada cinta belas kasihan Tuhan. Pesan utama Kerahiman Ilahi adalah mengingatkan kita bahwa Tuhan mengasihinya kita semua, tidak kira seberapa beratnya dosa kita. Seminar ini telah dilaksanakan pada April 26 sempena Minggu Kerahiman Ilahi, melibatkan lebih kurang 250 orang peserta yang terdiri daripada umat dari Zon dan paroki luar.

Seminar ini diinspirasi daripada Kongres Asia Kelima tentang Kerahiman Ilahi, di Cebu, Filipina pada Oktober, 2024.

Antara topik yang disampaikan dalam seminar ini ialah “Belas Kasih Tuhan Menyinari Kegelapan Hidup Kita” oleh Fr Florian Marcus, “Perbuatan Belas Kasihan di Dunia Hari Ini” oleh Sdra Alex @ Paulus Jiran, dan “Mengambil Berat Komuniti Kita Melalui Perbuatan Belas Kasihan” oleh Sdra Alexander Tham.

Topik-topik yang disampaikan itu menekankan kesedaran terhadap isu semasa, kepentingan doa dan tindakan belas kasih, serta renungan dan perkongsian komuniti untuk menghayati belas kasih dalam kehidupan seharian.

Selepas seminar itu, para peserta semakin memahami tentang belas kasihan Tuhan yang tidak ada batasnya seterusnya memupuk sikap berbelas kasih antara sesama mereka.

## Salib memberitakan kekuatan Tuhan

SIBU: Semasa pelancaran Perjalanan Salib di Katedral Sacred Heart, Sibu, Uskup Joseph dalam homilinya menyentuh tentang kehadiran salib dalam kehidupan seharian kita, semasa detik kematian, penyakit dan penderitaan.

Uskup Joseph menekankan bagaimana pengalaman-pengalaman ini, walaupun menyakitkan, sering

kali berfungsi untuk menyatukan orang bersama-sama, memupuk paduan dan perdamaian dalam keluarga dan komuniti.

Dalam cara yang sama cara, Salib Kristus memegang kuasa untuk mendamaikan kita dengan Tuhan dan antara satu sama lain, menyatukan kita sebagai sebuah keluarga di bawah rahmat dan kasih Tuhan.

Prelatus itu menyeru umat beriman agar bukan bertemu dalam simbol tetapi dalam realiti Salib serta melalui umat di sekeliling kita agar dapat mengalami cinta kasih-Nya yang tidak bersyarat lebih-lebih lagi ketika Perjalanan Salib akan melalui semua paroki, kampung, chapel dan rumah panjang di Keuskupan Sibu.

## Berjumpa dengan Tuhan melalui pelayanan Sabda

KENINGAU: Seramai 416 orang lektor di Paroki Katedral St Francis Xavier Keningau telah mengikuti Kursus Asas Lektor dan Rekoleksi Lektor Siri Dua bagi tahun 2025.

Kursus dan rekoleksi anjuran Tim Pemantapan Liturgi Paroki Katedral St Francis Xavier ini diadakan di Gereja St Raymond Bulu Silou, Keningau, baru-baru ini, pada 5 April, lalu.

Kursus ini dibahagikan kepada tujuh sesi. Ia dimulai dengan Pentakhtaan Alkitab yang disempurnakan oleh Katekis Jaimiseus Manggata.

Seterusnya sesi diteruskan dengan pengenalan Kalender Liturgi yang disampaikan oleh Pn Bibiana Flora Stephen.

Penceramah kedua, Sdra Fedelis Emoh melalui sesi “Pedoman Mewartakan Iman” mengingatkan, para calon lektor mereka bertindak sebagai ‘perpanjangan lidah’ Tuhan yang bersabda kepada

umat-Nya.

Oleh sebab itu, menjadi pewarta Sabda Tuhan dalam perayaan liturgi bukan sekadar membaca atau membunyikan teks Kitab Suci.

Sesi ketiga iaitu “Peranan dan Tanggungjawab Lektor yang dikongsi oleh Sdra Alfonsus Kopong, menjelaskan bahawa para calon lektor harus mengambil berat tentang pelayanan apatah lagi setelah menjadi pewarta firman Tuhan”.

Sesi keempat iaitu “Peranan Pemazmur, Muzik dan Koir dalam Liturgi” disampaikan oleh Sdra Nycholas Udog. Dijelaskan bahawa lektor, pemazmur, muzik dan koir mempunyai peranan yang sama berat untuk memastikan kekudusan serta kelancaran perayaan liturgi.

Sesi “Kerohanian Para Lektor” mengajak calon lektor agar sentiasa hidup dalam semangat seorang murid Kristus yang beriman

dewasa, yang menampakkan belas kasihan terhadap mereka yang menderita, lemah, dan terabai.

Kursus ini diteruskan dengan sesi “Pengharapan Tidak Mengecewakan” oleh Sr Liza Augustine FSIC. Kesemua calon lektor diseru agar mengambil masa untuk mengikuti ziarah bagi membantu iman mereka lebih bertumbuh dan dipenuhi sukacita sebagai pewarta Tuhan.

Sesi yang terakhir disampaikan oleh Sri Nancy Nelly Joneh iaitu “Pemantapan Iman Para Lektor” mengingatkan mereka agar tidak mempunyai kesombongan diri dalam pelayanan dan haruslah lebih bersifat terbuka ketika ditegur.

Misa penutupan Kursus Asas Lektor dan Rekoleksi Sesi Dua dipimpin oleh Fr Appolonius Yakis.

Dalam misa tersebut, kesemua Lektor baharu dilantik dan Lektor lama membarui komitmen pelayanan mereka.



# Sahabat kecil Yesus

Hello adik-adik,

Apa khabar? Pada Hari Minggu ini, kita menyambut Hari Minggu Panggilan.

Mengapa kita menyambut Hari Minggu ini? Pada hari ini, kita mendoakan agar lebih ramai pemuda untuk menjadi paderi. Kita juga mendoakan agar ramai wanita muda yang berani menyahut panggilan menjadi religius.

Tahukah adik-adik, bahawa tanpa adanya paderi, Gereja tidak dapat hidup! Tanpa wanita dan lelaki yang mahu menjadi religius, siapakah yang akan mendoakan untuk dunia ini?

Adik-adik, ada seorang pemuda yang dahulunya mendoakan agar ramai pemuda akan menjadi paderi. Tetapi akhirnya pemuda itu sedar, mengapa tidak dia sahaja yang menjadi paderi.

Syukur kepada Tuhan, meskipun menghadapi pelbagai cabaran,



pemuda itu akhirnya menjadi paderi di sebuah keuskupan di Sabah. Nama paderi itu ialah Fr Nelbart Peter.




Seperti Fr Nelbart, antie juga berharap dan berdoa agar adik-adik berani berdoa agar Tuhan memilih adik-adik menjadi paderi atau religius.

Sempena Hari Minggu Panggilan ini, mari kita mendoakan para uskup, paderi dan religius agar mereka sentiasa tabah dan kuat untuk terus melayani. Amin.

Salam Sayang  
Antie Melly

Selamat Hari Ibu

Mari Mewarna dan serahkan kepada ibu adik-adik. Ucapkan terima kasih kepada ibu yang menjaga dan membesarkan adik-adik.



Cari 10 perbezaan pada gambar di bawah.



Bantu gembala ini untuk mencari domba-dombanya.



# Mengapa tidak saya sahaja yang jadi paderi?

Fr Nelbart Peter

Saya dilahirkan di daerah Keningau. Namun ketika berusia sembilan tahun, ibu bapa saya mengambil keputusan untuk ke kampung Simbuan di Sook untuk mengerjakan tanah yang diwarisi daripada ibu bapa mereka.

Perpindahan itu memberi kesan kepada saya. Dari pekan Keningau yang mudah mengakses segalanya ke sebuah perkampungan yang jauh di pedalaman!

Tetapi, ada rahmatnya juga. Saya mulai belajar bahasa Dusun dan berkebun.

Pengalaman berkebun inilah yang menjadi moto pentahbisan imam saya, "Tuaian banyak sekali tetapi penuai hanya segelintir". (Lukas 10:2).

## Zaman Persekolahan

Seingat saya, saya menghadapi masalah pembelajaran di peringkat sekolah rendah dan selalu mendapat nombor yang tercorot dalam kelas! Tetapi berkat tunjuk ajar ibu saya, saya dapat meningkatkan kemahiran membaca.

Ketika di Sekolah Menengah, saya berasa kurang minat belajar dan selalu tidur dalam kelas. Akibatnya keputusan akademik saya juga tidak memuaskan dan menimbulkan kebimbangan bagi ibu bapa saya.

Saya sebenarnya lebih suka akademik berbentuk kemahiran. Oleh sebab itu, saya belajar bersungguh-sungguh untuk memasuki Sekolah Vokasional. Malangnya, setelah mendapat keputusan PMR yang baik, ibu saya tidak membenarkan melanjutkan pelajaran ke Sekolah Vokasional.

Dengan kecewa dan berat hati, saya tetap meneruskan pembelaj-

ran saya hingga Tingkatan Lima.

Saya juga didesak untuk menyambung pengajian ke Tingkatan Enam meskipun beberapa kali mengatakan saya tidak minat belajar.

Oleh sebab mahu malas mendengar bebelan ibu saya, saya tercapak, "Saya mahu menjadi paderi!" Ini menyebabkan ibu saya terdiam.

## Benih-benih panggilan

Selama tinggal di kampung, saya suka membantu ibu bapa saya di ladang dan apabila masa rehat, saya suka membaca diari Keuskupan Keningau yang mempunyai petikan Injil.

Salah satu petikan yang menarik perhatian saya pada ketika itu ialah petikan Injil Lukas 10:2, "Tuaian banyak sekali tetapi penuai hanya segelintir."

Pada ketika itu, kekurangan paderi menyebabkan Chapel di kampung saya jarang menerima lawatan paderi.

Melihat kepada kekurangan paderi, saya terdorong untuk berdoa agar ada belia di kampung kami yang akan menyahut panggilan menjadi paderi.

Tetapi, setelah beberapa lama, saya berfikir, mengapa tidak saya yang menjadi paderi?

Dan saya terkejut, semua ahli keluarga saya bersetuju kecuali nenek saya. Namun nenek bersetuju akhirnya selepas mendengar penjelasan daripada ibu saya.

Untuk mengetahui bagaimana memasuki seminari dan proses pembentukannya, saya bertanya kepada Fr Benedict Runsb.

Setelah mendengar penjelasan beliau, terdetik di hati saya tentang kebolehan bahasa Inggeris saya.

Tetapi saya mahu memberi diri saya peluang, maka pada tahun 2014, saya menghadiri Seminar Panggilan di Pusat Retret Bundu Tuhan.

Selepas seminar itu, saya agak kecewa kerana tidak terpilih.

Tetapi beberapa bulan kemudian, saya menerima panggilan untuk menghadiri Retret Panggilan di Rumah Retret Keuskupan Keningau di Tatal.

## Masam manis semasa pembentukan kepaderian

Pada tahun 2015, saya diterima memasuki Catholic Diocesan Center (CDC) di Kota Kinabalu.

Apa yang anda tidak tahu ialah, saya tidak tahu bagaimana tiba di ketiga-tiga tempat ini. Saya berdoa dan bersyukur kerana ada sahaja orang yang membawa saya sampai ke destinasi dengan selamat misalnya Fr Ronnie Luni dan Wendel, sahabat saya.

Pada mulanya, sukar untuk hidup di rumah pembentukan yang mempunyai peraturan, namun lama kelamaan, saya terbiasa dengan cara hidup sebegini.

Pada Tahun Falsafah di Kolej General Pulau Pinang, saya 'bergelut' dengan bahasa Inggeris. Syukur, saya berjaya juga mendapat band 4 untuk MUET (Malaysian University English Test).

Pada tahun 2017, saya diuji hebat dengan pemergian ibu saya. Rasa sedih yang amat dalam itu menyebabkan saya hilang semangat. Semasa dia sakit, saya berdoa dan berdoa untuk kesembuhannya tetapi ibu tetap meninggal dunia. Saya kecewa dan mahu berhenti dari seminari.

Tetapi Tuhan memberi saya kekuatan, membuatkan harapan dan kasih saya kepada-Nya untuk meneruskan pembentukan di seminari.

Selepas sembilan tahun di seminari, akhirnya saya ditahbis sebagai diakon oleh Uskup Cornelius Piong pada November 10, 2024 di Dataran Keuskupan Keningau.

Pada Mac 2, 2025, saya ditahbis sebagai paderi di Gereja Roh Kudus Sook dan kini melayani di St Theresa Tambunan.



## Wanita kudus inspirasi Sr Maria dalam pelayanan religius

Dilahirkan dan dibesarkan di Kampung Kalanggaan Bosusung, Kuala Penyu, Sr Maria terpenggil untuk menjadi religius sejak di bangku sekolah lagi.

Anak ketujuh dari lapan orang beradik, Sr Maria merupakan anak kepada pasangan Thomas Pusing Engah dan Winnie Ninih Ajau.

Berikut merupakan perkongsian panggilan beliau:

*Tanda panggilan tidak akan dapat dikenali jika saya tidak mencarinya. Maka dengan berani saya mengenali panggilan itu dengan memasuki rumah pembentukan postulan dan Novitiate.*

*Ketika berada di rumah pembentukan, saya mulai mengenal Tuhan dan sedar, betapa pentingnya pengetahuan serta ilmu tentang agama. Akhirnya saya memilih untuk menyertai kongregasi FSIC.*

*Dengan berkat dan seturut kehendak Tuhan saya dedikasikan pelayanan saya dalam Apostolate Pendidikan di samping pelayanan pastoral bersama belia, LOM, pelayan altar dan kateketikal.*

*Hidup membiara bukanlah hidup yang menakutkan. Ia merupakan hidup selibat, pilihan hidup saya sendiri tanpa paksaan demi mengikuti Kristus secara total dan menyeluruh, serta menghidupi nilai-nilai Injil dalam kehidupan seharian saya.*

*Suka duka dalam kehidupan adalah normal dan cara menghadapinya ialah dengan penyerahan total kepada Tuhan, keterbukaan dan kesediaan untuk merelakan hal-hal yang menyakitkan demi pelayanan.*

*Semua ini indah dan menghibur saya kerana Yesus sendiri hadir dan memenuhi segala yang saya perlukan untuk meneruskan perjalanan panggilan ini.*

Sr Maria memasuki konven FSIC pada tahun 1996, mengucapkan kaul pertama pada tahun 1999 dan kaul kekal pada tahun 2000

Sr Maria mempunyai Izajah dalam Pentadbiran Pendidikan, Diploma Early Childhood Education serta Sijil Teologi.

Beliau mencurahkan kini pentadbir bagi Tadika Our Lady Consolata Nabawan sejak Tadika itu dibina pada tahun 2017.

Sebelum menyahut panggilan seorang religius, Sr Maria pernah bekerja sebagai guru ganti dan customer service.

Pada November 9, tahun lalu, Sr Maria Thomas telah menyambut ulang tahun ke-25 sebagai religius.

"Seperti Maria, Bonda Yesus dan Bonda Gereja dan seperti para wanita kudus dalam Kitab Suci, pembawa Khabar Gembira, saya juga diutus untuk mewartakan kebenaran dan membawa Yesus dikenali semua orang. Semoga hidup saya sebagai FSIC dapat menjadi kesaksian dan keindahan cintakasih Tuhan dan pemeliharaan-Nya atas diri saya yang memampukan saya melayani sesama."



Kenangan semasa pentahbisan, Mac 2, 2025 di Gereja Roh Kudus Sook: Fr Nelbart bergambar bersama Uskup Cornelius Piong dan para religius di Keuskupan Keningau.



## Pemakaman Sri Paus jadi inspirasi umat pelbagai agama di Vietnam

HUE, Vietnam: Umat Katolik dan bukan Katolik di Vietnam sama-sama memberikan penghormatan kepada mendiang Sri Paus Fransiskus, yang dimakamkan pada April 26.

Kematian Sri Paus Fransiskus meninggalkan kesan abadi di seluruh negara yang diperintah komunis tersebut.

Simon Hoang Bao Long, seorang Katolik berusia 28 tahun dari Hue, mengikuti upacara pemakaman tersebut melalui telefon pintarnya.

“Saya sangat tersentuh melihat ratusan ribu orang menghadiri pemakaman dengan cara yang tertib dan bermartabat, berduka atas kepergian Bapa Suci Gereja kita,” katanya.

Simon juga sangat terharu melihat puluhan pemimpin dunia berdiri dengan hormat di bawah terik matahari, memberikan penghormatan terakhir kepada Sri Paus Fransiskus.

Sejak Sri Paus Fransiskus meninggal dunia pada April 21, Simon telah menghadiri Misa setiap hari untuk berdoa bagi mendiang Sri Paus dan berkongsi liputan tentang pemakaman dari media Vatikan dengan puluhan teman dan kerabat, termasuk yang bukan Katolik.

Di sebuah kafe di Hue, Tran Tien Trung, seorang penganut Buddha berusia 27 tahun, juga menyaksikan pemakaman Sri Paus Fransiskus melalui telefon bimbitnya bersama beberapa pelanggan lainnya.

“Sri Paus, yang memimpin 1.4 bilion umat Katolik, memiliki kelembutan seorang ayah dan melayani mereka yang terabai seperti anak-anaknya sendiri,” kata Trung.

Trung berkata kerendahan hati Sri Paus Fransiskus telah memberi kesan besar padanya, menginspi-

rasi kehidupan yang lebih sederhana dan penuh kasih sayang daripada mengejar kekayaan dan status.

Cecilia Le Uyen Phuong, seorang wartawan berusia 25 tahun mengamati bahawa pemakaman Sri Paus Fransiskus membuat orang-orang menjadi lebih dekat.

Beliau mengimbas semula simbolik pertemuan antara Presiden Amerika Syarikat Donald Trump dan Presiden Ukraine, Volodymyr Zelensky, yang bertemu sebentar sebelum pemakaman.

“Pertemuan itu menekankan bagaimana Sri Paus Fransiskus menjadi jambatan perdamaian dan dialog antarabangsa,” kata Cecilia.

“Cara hidup Sri Paus yang sederhana mendorong orang muda seperti saya untuk hidup bertanggung jawab, murah hati dan berfokus pada martabat manusia, daripada mengejar kesenangan yang egois,” tambahnya.

Huong Tram, ketua Jabatan Dialog di Institut Tien Thien Cao Dai, mengetuai delegasi untuk mempersembahkan dupa dan ucapan takziah di pejabat Konferensi para uskup Vietnam di Kota Ho Chi Minh pada April 26.

“Sri Paus Fransiskus mengabdikan hidupnya sepenuh hati kepada Tuhan dan kemanusiaan, selalu menonjolkan kasih sayang, kerendahan hati, dan dialog antaragama,” kata penganut kepercayaan *Cao Dai* tersebut.

“Usahanya yang tak kenal lelah untuk membangun perdamaian dan membela mereka yang lemah telah meninggalkan jejak yang mendalam pada umat beriman di seluruh dunia, termasuk para pengikut *Cao Dai*,” tambahnya. [ucanews.com](http://ucanews.com)

# Bapa Suci yang mencintai dan dicintai kaum muda

ROMA: Bagi ribuan remaja yang pergi ke Roma untuk merayakan Jubli Remaja, berita wafatnya Sri Paus Fransiskus begitu mengejutkan.

Bagi mereka, sukacita merayakan Tahun Jubli untuk Remaja pada April 25 hingga 27 dengan tema “Penziarah Harapan” tiba-tiba bercampur dengan kesedihan atas pemergian Sri Paus Fransiskus pada April 21.

“Kami telah mempersiapkan diri untuk Jubli sejak Januari,” kata Vincenzo Pirico, 22, yang mendampingi sekumpulan remaja dari Itali, kepada *Catholic News Service* pada April 27.

“Ketika kami menerima pengumuman wafatnya Bapa Suci, semangat kami benar-benar berubah.”

Gustavo Molina, seorang pemuda dari Quito, Ekuador, mengatakan berita meninggalnya Sri Paus terasa “seperti mandi air dingin.”

Namun, baginya dan sekumpulan remaja yang didampinginya, kesedihan atas meninggalnya Sri Paus berubah menjadi rasa syukur atas kesempatan berada di Roma untuk memberikan penghormatan terakhir dan mengucapkan salam perpisahan kepada Sri Paus Amerika Latin pertama tersebut.

“Kami bertuah berada di sini,” kata Molina kepada *CNS*. “Semua orang masih aktif, tertawa, berusaha tetap bersatu pada masa berkabung untuk mendiang Sri Paus.”

“Apa yang penting adalah kita semua dapat memberikan penghormatan terakhir kepada Sri Paus terkasih kita kerana dia sangat dikasihi oleh kaum muda.”

Sebelum pemergiannya, Vatikan mengatakan Misa penutup Jubli Remaja tidak akan mencakupi kanonisasi Beato Carlo Acutis, orang muda milenium pertama yang



menjadi orang kudus, tetapi diganti dengan Misa peringatan.

Sri Paus Fransiskus telah menyetujui kanonisasi Beato Acutis pada Mei 23, 2024, dan mengumumkan tarikh kanonisasinya pada akhir November lalu.

Pemakaman mendiang Sri Paus pada April 26, menandakan bermulanya “*novendiali*” masa berkabung selama sembilan hari, di mana Misa dirayakan setiap hari di Basilika Santo Petrus.

Meskipun berkabung, puluhan ribu orang memenuhi jalan utama — *Via della Conciliazione* — yang menuju Dataran Sto Petrus ramai yang melambaikan bendera, bernyanyi, dan bertepuk tangan sebagai penghormatan dan rasa kasih mendalam terhadap Sri Paus Fransiskus.

“Saya yakin Sri Paus Fransiskus sedang menantikan hari ini, dan hatinya dipenuhi dengan sukacita kerana dia telah memanggil kita untuk merayakan Jubli harapan,” kata Uskup Agung Nelson J. Perez dari Philadelphia kepada *CNS*.

Uskup Agung Nelson datang untuk kanonisasi Beato Acutis. Namun baginya, perubahan ke Misa untuk Sri Paus Fransiskus merupakan penghormatan yang sewajarn-

ya bagi seorang Bapa Suci yang mencintai dan dicintai, terutama kaum muda.

“Sri Paus Fransiskus mengatakan kaum muda mereka adalah masa kini. Dan mereka tentu saja memberikan kesaksian tentang hal itu di sini hari ini,” kata uskup agung itu.

Ketika ditanya tentang pemikirannya tentang masa depan Gereja, Uskup Agung Nelson mengatakan “Roh Tuhan selalu memberi kita Bapa Suci yang kita perlukan pada saat kita memerlukannya.

Kita memerlukan Sri Paus kita. Jadi saya tahu Roh Kudus akan menuntun proses konklaf serta Gereja akan menerima keputusan konklaf dengan sukacita dan kasih yang besar.”

Fr Andrea Filippucci, seorang paderi dari Keuskupan St Thomas, Virginia, AS, yang membawa 100 belia ke Roma berkata, biarpun bersedih kerana pemergian Sri Paus Fransiskus namun ziarah tersebut merupakan “waktu doa” bagi Sri Paus Fransiskus, masa sejarah bagi para belia kerana dapat bersama berdoa kepada Roh Kudus untuk memilih orang yang tepat untuk memimpin Gereja.” [CNS](http://CNS)

## Menurut kaji selidik, umat Katolik Korea Selatan lebih suka homili pendek

SEOUL: Hampir setengah dari umat Katolik yang di Korea Selatan mengatakan dalam kaji selidik bahawa homili yang ideal adalah tidak lebih dari 10 minit, usul yang pernah digemakan oleh mendiang Sri Paus Fransiskus semasa kepausannya.

Di antara 1,353 responden yang disurvei dari April 10 hingga 24, hampir setengah, atau 49 peratus mengatakan bahawa homili seharusnya sekitar 10 minit.

*CatholicPoll*, projek gabungan akhbar *Catholic Times* dan *Good News* yang dikendalikan oleh Keuskupan Agung Seoul, menyelenggarakan kaji selidik pilihan dengan topik “Berapa minit

seharusnya homili?”

Di antara responden, hampir satu dari lima orang (19 peratus) mengatakan bahawa homili selama 15 minit dapat diterima, sementara 14.8 peratus mengatakan bahawa “panjangnya tidak masalah.”

Sementara itu, 12.2 peratus mengatakan mereka lebih suka homili dengan durasi “lima minit atau kurang,” dan lima peratus mengatakan homili selama 20 minit dapat diterima.

Pada tahun 2018, Sri Paus Fransiskus telah mendesak para paderi untuk membawakan homili yang “singkat” dan memastikan bahawa homili mereka “tidak leb-

ih dari 10 minit,” lapor *Catholic News Agency* (CNA).

Pada Jun 12, 2024, Sri Paus Fransiskus mendesak para paderi Katolik untuk mengurangi durasi homili mereka selama lapan minit, memperingatkan mereka bahawa “orang-orang akan tertidur,” lapor CNA.

Survei tersebut bertujuan “mendengar pendapat awam dan mempromosikan persekutuan dan komunikasi di dalam Gereja.”

Tema homili yang ideal menurut kaji selidik mencatat tema homili ideal yang disukai oleh umat.

Sebahagian besar orang (61 peratus) mengatakan mereka ingin mendengar homili tentang



topik “Bagaimana memandang dunia [masyarakat] dalam terang Alkitab.”

Topik pilihan berikutnya, adalah tentang bagaimana Alkitab berhubungan dengan iman mereka (54.9 peratus). Manakala 24.9 peratus mengatakan mereka ingin mendengar tentang Alkitab dan

doktrin.

Sejumlah kecil orang (17.3 peratus) ingin mendengar sesuatu yang “mudah dan menyenangkan.

Hanya 10.9 peratus yang ingin mendengar aspek teologi yang biasanya tidak mereka dengar semasa homili. [ucanews.com](http://ucanews.com)

# Ewon, Azalina wakili Malaysia ke pengebumian Sri Paus Fransiskus

VATIKAN: Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick (*gambar*) bersama pemimpin-pemimpin dunia menghadiri dan mengikuti upacara misa dan pengebumian Sri Paus Fransiskus di Dataran Sto Petrus, pada April 26 lalu.

“Kelmarin (April 26) saya bersama-sama dengan Azalina dan semua pemimpin negara kuasa besar dunia telah mengikuti Misa Kudus dan pengebumian Sri Paus Fransiskus



di Dataran Sto Petrus,” kata Ewon.

Kerajaan Malaysia diwakili oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) Datuk Seri Azalina Othman Said dan Ewon.

Misa Kudus yang dihadiri ratusan ribu orang daripada pelbagai agama seluruh dunia itu dijalankan dalam Bahasa Latin disiarkan secara langsung di seluruh dunia.

“Pada April 25, saya bersama Duta Besar Malaysia ke Takhta Suci, Hendy anak Assan memberikan penghormatan terakhir kepada Bapa Suci Fransiskus di Basilika Sto Petrus.

“Ini merupakan satu pengalaman yang amat menakjubkan bila berada di tempat ini, apatah lagi memberikan penghormatan terakhir ke Sri Paus Fransiskus.”

“Sri Paus Fransiskus telah meninggalkan kita banyak legasi khususnya wacana beliau, pandangan dan pesanan beliau kepada kita khususnya umat Katolik di dunia,” kata Ewon. **pelbagai media tempatan**

## Sangti Papa pejuang kemanusiaan dan agama

KUALA LUMPUR: “Sri Paus Fransiskus pejuang keamanan dan kemanusiaan yang sukar dicari ganti,” ucap mantan Duta Malaysia ke Takhta Suci, Tan Sri Bernard Dompok Giluk pada April 25.

Tan Sri Bernard Gompok Giluk (*gambar*) bertemu dengan mendiang Sri Paus semasa menyampaikan watak pelantikannya sebagai duta bermastautin di Vatikan pada Jun 9, 2016.

“Semasa audiens peribadi itu, saya masih ingat Bapa Suci mendengar dengan penuh minat tentang ekonomi Malaysia. Bapa Suci juga gembira mendengar sejarah Khabar Gembira di Borneo Utara lebih 150 tahun yang lalu oleh misionari *Mill Hill*.”

Tan Sri Bernard yang bertugas di Vatikan sehingga 2018 mengatakan Sri Paus Fransiskus menyentuh hati dunia pada hari pertama pelantikannya sebagai penerus takhta Sto Petrus apabila beliau berlutut di hadapan dunia dan meminta umat mendoakannya.

Sifat rendah hati mendiang juga be-

gitu terserlah apabila beliau memilih untuk tinggal di Casa Sta Marta, bukan di istana kepausan.

Ketika Tan Sri Bernard di Vatikan, beliau tahu bahawa Bapa Suci tidak sekadar berucap tetapi mempraktikkannya. Misalnya dalam hal migran. Prelatus itu tidak hanya meminta pemimpin dunia untuk melindungi martabat kaum migran dan pelarian, beliau sendiri beberapa kali membawa beberapa pelajar kembali ke Itali.

Begitu juga hubungannya dengan dunia Islam dan ekumenisme. Bapa Suci Fransiskus menjalin hubungan erat dengan para pemimpin Islam demi menolak kekerasan dan penganiayaan agama.

Selain pemimpin-pemimpin Islam prelatus itu juga mempunyai hubungan baik dengan para pemimpin agama Buddha, Yahudi.

Dalam ekumenisme, sentiasa berdialog dan menyeru bahawa ada banyak hal yang harus dipantau serta



diusahkan oleh Katolik dan denominasi lain khususnya cabaran sekular dan kemodenan yang mempengaruhi masyarakat hari ini.

“Mendiang Fransiskus merupakan Bapa Suci untuk orang-orang miskin, yang terabai dan sakit. Beliau berjuang untuk bertemu dengan semua orang yang menghadapi peperangan, bencana, penganiayaan dan miskin. Dia tidak pernah putus asa untuk menjadikan dunia ini menjadi tempat yang aman dan sejahtera,” kata Tan Sri Dompok.

## Bapa Suci pencetus kaum muda berjiwa sinodal

Kenangan bersama Bapa Suci Fransiskus semasa hidupnya di dunia, tidak akan pernah saya lupakan.

Mengingat kembali, pertama kali saya melihat Bapa Suci Fransiskus secara nyata adalah sewaktu saya menghadiri Hari Belia Sedunia (WYD) di Krakow, Poland pada tahun 2016.

Pada waktu itu, perasaan amat teruja kerana pertama kali melihat Bapa Suci secara dekat walaupun beliau hanya melintasi kawasan kami sahaja.

Kali kedua saya melihat beliau ialah semasa menghadiri WYD di Lisbon, Portugal pada tahun 2023.

Pada masa itu saya dapat melihat Bapa Suci yang melintasi di kawasan kami daripada jarak dekat walaupun hanya beberapa saat.

Kali ketiga saya melihat Sri Paus Fransiskus ialah semasa menghadiri *International Youth Ministry Congress* di Vatican City pada tahun 2024.

Ini adalah saat yang paling istimewa ker-



ana saya dapat berbicara, berjabat tangan dan memeluk Bapa Suci Fransiskus secara fizikal.

Pertemuan ini merupakan saat yang paling berharga dalam hidup saya apabila saya

tidak pernah menyangka ‘Rahmat’ ini akan saya terima.

Syukur atas kebaikan Tuhan, Dia ‘membenarkan’ saya bertemu dengan ‘*Vicar of Christ*’.

Pertemuan di WYD Poland 2016 dan WYD Portugal 2023 rupanya adalah persiapan untuk bertemu dengan Bapa Suci Fransiskus secara bersemuka pada tahun 2024.

Tidak tergambar Sukacita atas Rahmat dan Kebaikan Tuhan kepada diri ini. Saya percaya Bapa Suci Fransiskus kini sudah berada dalam dakapan Bapa Syurgawi.

Terima kasih Sangti Papa Fransiskus kerana engkau menjadi peribadi yang harus diteladani oleh semua orang terutama dalam hal kerendahan hati dan saling mengambil peduli.

Papa, berehatlah dalam damai Bapa Suci Yang Terkasih. Jasa dan segala kebaikanmu akan tetap tersemat dalam ingatan semua umat beriman. Amin.

●Ronney Eming, staff pastoral Komisi Belia Keuskupan Keningau, Ko-ordinator MCYD2025 juga wakil belia Malaysia ke IYC2024 di Roma

PENULIS BERKICAU

## Jejak senyap Sri Paus Fransiskus di Malaysia

Meskipun mendiang Sri Paus Fransiskus tidak pernah menjejakkan kaki di Malaysia namun prelatus itu tetap meninggalkan ‘jejak’ dalam hati para umat Katolik di negara ini.

Melalui pesan, doa, berkat, karya, dokumen dan ekshortasi apostolik sentiasa diterima dengan hati terbuka oleh komuniti Katolik dan pelbagai agama di Malaysia.

Bapa Suci Fransiskus bukan sahaja menjadi figura rohani yang dikagumi oleh komuniti Katolik Malaysia tetapi juga penganut lain yang menghormati ketulusan, kerendahan hati serta perjuangannya terhadap kesejahteraan bumi.

Malaysia pertama kali mempunyai hubungan diplomatik dengan Takhta Suci, dua tahun sebelum Jorge Mario Bergoglio dilantik menjadi Bapa Suci.

Dan pada tahun 2016, buat pertama kalinya Malaysia mempunyai duta bermastautin di Vatikan iaitu Tan Sri Bernard Giluk Dompok.

Mendiang Bapa Suci Fransiskus sentiasa mengikuti perkembangan dan pertumbuhan antara agama di Asia Tenggara. Para Uskup Malaysia dan perwakilan beliau mempunyai peluang bertemu secara peribadi dengan Fransiskus melalui sinode, *ad limina*, Hari Belia Sedunia dan perayaan-perayaan Tahun Jubli Harapan.

Selain lawatan apostolik Sri Paus Fransiskus berhampiran Malaysia yang dihadiri ratusan penganut Malaysia dan aktiviti-aktiviti kemanusiaan, legasi terpenting Bapa Suci di Malaysia ialah pengaruh ciri “Gereja Sinodal” dalam Perhimpunan Pastoral Malaysia (MPC) 2026.

Meskipun proses sinodal bukan sesuatu yang baharu di Malaysia tetapi proses ini membuka lembaran baharu, lebih mendalam dan melibatkan dan mendengar suara umat kerana pada masa sekarang, situasi dan keadaan sudah berubah.

Dua wilayah iaitu Semenanjung Malaysia, dan Sarawak telah menjalani tiga proses sinodal iaitu “Merayakan”, “Mendengar” dan “Berjalan Bersama” manakala Sabah akan bermula hari ini (Mei 11-13) sebagai persiapan MPC 2026.

Dan sudah tentu, protagonis dalam semua perhimpunan ini ialah Roh Kudus melalui kaedah yang diperkenalkan oleh mendiang Sri Paus Fransiskus iaitu “Perbualan Dalam Roh”.

MPC 2026 juga menekankan empat bidang keprihatinan pastoral berdasarkan empat dokumen Sri Paus Fransiskus iaitu *Evangelii Gaudium* (Gereja), *Amoris Laetitia* (Keluarga), *Laudato Si* (Ekologi) dan *Fratelli Tutti* (Masyarakat).

Meskipun bersedih atas kematian Bapa Suci Fransiskus yang dikasihi, namun kita dihibur dan diperkuat oleh cahaya Paskah dan percaya bahawa Bapa Suci kini bersama dengan Bapa di syurga.

Pada hari-hari terakhirnya, Sri Paus Fransiskus menanggung penderitaan dan kesakitannya dengan keberanian. Kita dapat belajar daripada tauladannya untuk menjalani hari-hari, penderitaan, kesusahan dan kesakitan kita dengan berani, iman dan dalam harapan.

**MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.**

**Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.**

**Anda boleh menghantar artikel kepada [liza@herald.com.my](mailto:liza@herald.com.my) atau**

**WhatsApp: 011-26391498**



## Gereja Katolik Malaysia adakan Misa Arwah untuk jiwa Sri Paus Fransiskus

KUALA LUMPUR: Seorang Uskup sengaja meletakkan potret mendiang Sri Paus Fransiskus berdekatan dengan Perjalanan Salib Malaysia.

Uskup tersebut, Uskup Joseph Hii, semasa memimpin Misa Arwah untuk mendiang Sri Paus Fransiskus di Katedral Sacred Heart pada April 25, berkata, "Ketika Perjalanan Salib ini mengembara ke semua paroki, komuniti, rumah, rumah panjang dan tempat kerja, kita turut meminta roh Sri Paus Fransiskus untuk berjalan bersama kita.

"Semoga teladan Sri Paus Fransiskus akan memberikan kita inspirasi untuk menghidupkan Injil dengan berani, beriman dan lemah lembut," kata Uskup Joseph Hii yang memimpin Misa Arwah Sri Paus Fransiskus pada April 25, jam 7.30 malam di Katedral Sacred Heart.

Nunsio Apostolik ke Malaysia, Uskup Agung Wojciech Zaluski, Menyertai Uskup Agung Julian Leow dan para klerus dalam Misa Arwah untuk Sri Paus Fransiskus di Katedral St John pada malam April 29.

"Semoga warisan dan wawasan mendiang Sri Paus Fransiskus khususnya semangat persaudaraan, keterangkuman dan sinodaliti terus memberi inspirasi kepada masyarakat hari ini," ucap Uskup Agung Julian.

"12 tahun kepausannya telah ditandai dengan semangat dan

misi. Mendiang Fransiskus sentiasa mengingatkan kita bahawa setiap kita mempunyai misi yang tidak berubah iaitu semua yang dibaptis harus menjadi Berita Baik dan Harapan di mana sahaja," kata Uskup Bernard Paul yang merayakan Misa Arwah untuk Bapa Suci Fransiskus pada April 29, di Chapel St James, Pusat Majodi.

Di Keuskupan Agung Kuching, Uskup Simon Poh yang dilantik oleh Sri Paus Fransiskus sebagai Uskup Metropolitan Kuching pada Mac 4, 2017 (Uskup Aukilier pada Julai 9, 2015) mengadakan Misa Arwah untuk mendiang Sri Paus Fransiskus pada April 25, 2025 pukul 5.30 petang di Katedral St Joseph.

Prelatus itu mengatakan, kemangkatan Sri Paus Fransiskus merupakan kerugian global

"Sri Paus Fransiskus mengingatkan kita bahawa sebagai paderi dan uskup, kita dipanggil untuk menjadi gembala yang berbau domba iaitu berjalan bersama umat yang diamanahkan kepada kita dengan kerendahan hati dan berbelas kasihan," kata Uskup Agung Simon.

"Sri Paus Fransiskus mengingatkan saya bahawa sebagai paderi dan uskup, kita dipanggil untuk menjadi gembala yang berbau domba iaitu berjalan bersama umat yang diamanahkan kepada kita dengan kerendahan hati dan berbelas kasihan," kata Uskup Agung Simon.



Uskup John Wong tunduk di hadapan altar dan potret mendiang Sri Paus Fransiskus semasa memimpin Misa Arwah untuk Bapa Suci Fransiskus pada April 28, di Katedral Sacred Heart, Karamuning.



Nunsio Apostolik ke Malaysia, Uskup Agung Wojciech Zaluski, menyertai Uskup Agung Julian Leow dan para klerus Kuala Lumpur merayakan Misa Arwah untuk Sri Paus Fransiskus pada April 29, 2025 di Katedral St John The Evangelist.



Potret mendiang Sri Paus Fransiskus diletakkan bersebelahan dengan Perjalanan Salib di Katedral Sacred Heart, Miri.

"Dua ciri cemerlang Sri Paus Fransiskus ialah kerendahan hati dan kemanusiaannya, terutama kedekatannya dengan mereka yang menderita," kata Uskup Richard Ng semasa memimpin Misa Kudus Arwah untuk Bapa Suci Fransiskus pada April 26, pukul 7.00 pagi di Katedral St Joseph, Miri.

Di Keuskupan Pulau Pinang, Misa Hari dari April 22 hingga April 26 di Basilika Kecil Sta Anna dipersembahkan sebagai Misa Arwah untuk Sri Paus Fransiskus. April 26, 2025 merupakan hari pengebumian Sri Paus Fransiskus di Vatikan.

Di Katedral Roh Kudus Pulau Pinang, Misa Arwah untuk jiwa Sri Paus Fransiskus diadakan pada April 25. Ia dimulakan dengan Misa, diikuti dengan Saat Teduh.

Pada keesokan harinya, loceng

katedral dibunyikan selama dua minit pada pukul 4.00 petang dan dua minit hening bagi mengenang serta mendoakan jiwa Sri Paus Fransiskus.

Di Keuskupan Agung Kota Kinabalu, seluruh paderi paroki menyertai Uskup Agung John Wong merayakan Misa Arwah untuk Sri Paus Fransiskus di Katedral Hati Kudus pada April 28, pukul 7.30 malam.

"Pada masa berkabung ini, kita dihiburkan oleh Roh Kudus tentang Bapa Suci Fransiskus yang kini bersama Bapa Surgawi yang telah memanggil beliau untuk memimpin Gereja-Nya selama 12 tahun yang lalu," kata Uskup Agung John.

Di Keuskupan Keningau, Uskup Cornelius Piong menggalakkan agar Misa Arwah untuk Sri Paus Fransiskus diadakan di setiap

paroki.

Uskup Cornelius amat berterima kasih kepada mendiang Sri Paus Fransiskus yang banyak inspirasi dalam pelayanan episkopalnya khususnya ketika Bapa Suci itu menyimpulkan pelayanan seorang Uskup sebagai 'Gembala yang berbau domba'.

"Ketika kita berkabung atas pemergian Sri Paus Fransiskus, dengan umat Tuhan di seluruh dunia, ungkapkanlah syukur dan terima kasihlah dalam doa atas kebaikan, kehidupan dan kepimpinan mendiang Bapa Suci sebagai gembala Gereja Sejagat. Semoga Tuhan memberinya rehat abadi di dalam kerajaan-Nya," kata Uskup Sandakan, Julius Dusing Gitom yang memimpin Misa Arwah untuk jiwa Sri Paus Fransiskus pada petang Mei 5, di Katedral St Mary Sandakan.